



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GARIS PANDUAN
SKIM DANA NIC (SDN)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

TAHUN 2020

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI)

Kompleks Penyelidikan, Jalan UMS,

88400, Kota Kinabalu, Sabah

Tel: 088-320 000 samb. 6138010 | Faks: 088-320 127

KANDUNGAN

BAHAGIAN 1	3
PENGENALAN	3
1.1 LATAR BELAKANG	3
1.2 TEMPOH	3
1.3 TUJUAN	3
1.4 CIRI-CIRI UTAMA PENYELIDIKAN DI BAWAH SKIM NIC	3
1.5 NIC PENYELIDIKAN UMS	4
BAHAGIAN 2	5
2.1 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN	5
2.2 PROSEDUR PERMOHONAN	5
2.3 KRITERIA PENILAIAN	6
2.4 PERATURAN KEWANGAN	6
2.5 HASIL PENYELIDIKAN	7
2.6 PENGUMUMAN TARikh BUKA DAN TUTUP PERMOHONAN	8
BAHAGIAN 3	9
3.1 PENILAIAN SKIM DANA NIC UMS	9
BAHAGIAN 4	9
4.1 IMPLEMENTASI PROJEK	9
4.2 LAPORAN KEMAJUAN	10
4.3 JAWATANKUASA PEMANTAUAN KHAS (JPK).....	10
4.4 LAPORAN AKHIR	10
4.5 PENGAWALAN DAN PENALTI	11
BAHAGIAN 5	11
5.1 PENGESAHAN OLEH DEKAN/PENGARAH	11
5.2 PERTUKARAN KETUA PROJEK/PERTAMBAHAH DAN PENGUGURAN AHLI	11
5.3 PENGECAULIAN	11

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.1 Latar Belakang

Skim Dana Nic Universiti Malaysia Sabah diwujudkan sebagai menyokong kepada seruan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang mengesyorkan semua Universiti Komprehensif mempunyai nic penyelidikan dan inovasi berfokus yang unik dan mempunyai kekuatan tersendiri.

1.2 Tempoh

Skim ini merupakan geran penyelidikan berfokuskan bidang nic penyelidikan Universiti untuk tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun yang dibiayai oleh dana dari sumber dalaman UMS.

1.3 Tujuan

Skim ini diwujudkan untuk memberi fokus penyelidikan kepada nic penyelidikan UMS bagi keterlihatan UMS di peringkat global, mampu mengeluarkan hasil penyelidikan berimpak tinggi, samaada dalam bentuk produk, penerbitan dan impak kepada komuniti.

Skim ini memberi fokus kepada nic penyelidikan UMS yang bersifat translational bagi meningkatkan keterlihatan UMS di peringkat global.

Hasil penyelidikan hendaklah berimpak tinggi, sama ada dalam bentuk produk, penerbitan dan impak kepada komuniti.

1.4 Ciri-Ciri Utama Penyelidikan di bawah Skim Nic

Penyelidikan yang dibiayai di bawah skim Nic hendaklah bersifat translational.

Penyelidikan ini dalam bentuk program yang multidisiplinari yang melibatkan minimum tiga (3) projek di bawah Nic yang berbeza dari FPI yang berbeza.

Nic penyelidikan UMS yang berdasarkan:


- (i) Komuniti / Masyarakat – berpusat
- (ii) Memenuhi keperluan Negeri
- (iii) Selaras dengan keunikan Sabah
- (iv) Didorong oleh industri (industry driven)
- (v) Sustainable Development Goals (SDG)

1.5 Nic Penyelidikan UMS

1.5.1 Sebanyak tujuh (7) bidang tujuan telah dikenal pasti sebagai nic penyelidikan di UMS.

NO.	BAHASA INGGERIS	BAHASA MALAYSIA
1	Biodiversity & Environmental Sustainability	Biodiversiti & Kelestarian Alam Sekitar
2	Agriculture & Food	Pertanian dan Makanan
3	Aquaculture	Akuakultur
4	Tourism	Pelancongan
5	Indigenous Culture & Language	Kebudayaan Peribumi & Bahasa
6	Poverty Alleviation & Security	Pembasmian Kemiskinan & Keselamatan
7	Public Health & Smart Healthcare	Kesihatan Awam & Penjagaan kesihatan Pintar

1.5.2 Pengkhususan Bidang Keutamaan Penyelidikan (Priority Research Areas) bagi setiap nic penyelidikan merangkumi penyelidikan berikut:



Ruj: Kelulusan Bidang Tujahan (Niche) Penyelidikan Di UMS (2018-2022), Mesyuarat PBPU Bil. 5/2018 (Siri 2) Kali Ke-224, 3 Oktober 2018

BAHAGIAN 2: PERMOHONAN

2.1 Syarat-syarat Permohonan

- 2.1.1 Skim ini terbuka kepada pensyarah UMS DS/DU Gred 51/52 dan ke atas sahaja.
- 2.1.2 Ketua penyelidik (PI) hendaklah berjawatan tetap atau kontrak. Baki kontrak hendaklah sekurang-kurangnya setahun semasa memohon.
- 2.1.3 Kakitangan kontrak berstatus bukan warganegara Malaysia boleh menjadi Ketua Penyelidik dengan syarat ahli penyelidik adalah warganegara Malaysia.
- 2.1.4 Penyelidik bersama dari luar UMS (jika ada) boleh dinamakan dari kalangan industri/swasta/agensi kerajaan.
- 2.1.5 Guru Bahasa Kanan Gred DG 44 ke atas boleh dinamakan sebagai ahli penyelidik sahaja.
- 2.1.6 Pemohon hanya dibenarkan untuk mengetuai satu sahaja geran penyelidikan Skim Dana Nic UMS pada satu-satu masa sahaja.
- 2.1.7 Siling peruntukan untuk skim ini adalah RM200,000.00.
- 2.1.8 Tempoh projek maksima adalah tiga (3) tahun dan pelanjutan maksima adalah enam (6) bulan.
- 2.1.9 Kakitangan akademik yang bercuti belajar dan cuti sabatikal (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan menjadi Ketua Program/Projek. Walau bagaimanapun, beliau boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan.
- 2.1.10 Ketua Program / Projek yang berpindah universiti, cuti belajar dan cuti sabatikal (dalam dan luar negara melebihi tempoh 6 bulan) hendaklah melepaskan kedudukan sebagai ketua. Walau bagaimanapun, beliau boleh kekal sebagai ahli dalam kumpulan penyelidikan berkenaan.
- 2.1.11 Kelulusan Jawatankuasa Etika manusia/haiwan (jika berkaitan) perlu disertakan bersama laporan kemajuan pertama.

2.2 Prosedur Permohonan

- 2.2.1 Permohonan untuk Skim Dana Nic UMS perlu dikemukakan secara atas talian melalui Sistem Maklumat Penyelidikan, Persidangan, Penerbitan dan Inovasi (SMPPI).
- 2.2.2 Semua permohonan hendaklah diperakukan oleh Dekan/ Pengarah masing-masing secara atas talian melalui SMPPI. Hanya permohonan yang disokong oleh pihak PPPI sahaja yang akan dipertimbangkan untuk kelulusan.

2.3 Kriteria Penilaian

Penyelidikan yang dipohon mestilah merupakan penyelidikan bersifat *translational* yang dapat:

- 2.3.1 menghasilkan suatu idea/ teori/ konsep/ kaedah/ model/ proses baru;
- 2.3.2 menambahbaik sesuatu polisi, metodologi dan model penyelesaian yang sedia ada;
- 2.3.3 merangkumi isu-isu kemanusiaan dan kemasyarakatan bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan dalam negara dan sejagat; atau
- 2.3.4 berpotensi untuk menyumbang kepada agenda strategik negara.
- 2.3.5 program ini mesti multidisiplinari yang melibatkan minimum tiga (3) projek di bawah Nic yang berbeza dari FPI yang berbeza.
- 2.3.6 hendaklah berdasarkan nic penyelidikan yang telah ditetapkan mengkhusus kepada Bidang Keutamaan yang disenaraikan pada perkara 1.5.2 di atas.

2.4 Peraturan Kewangan

2.4.1 Agihan peruntukan yang diluluskan yang disalurkan mengikut agihan berikut:

- | | | |
|------|----------------|-------|
| (i) | Agihan pertama | : 70% |
| (ii) | Agihan kedua | : 30% |

Kesemua perbelanjaan di bawah skim ini hendaklah dibuat mengikut peraturan kewangan universiti dan peraturan-peraturan lain yang sedang berkuatkuasa.

2.4.2 Peruntukan yang diluluskan perlu digunakan mengikut syarat-syarat berikut:

Vot 11000 - Gaji dan Upah

- i. Upah dan elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mod penyelidikan sepenuh masa.
- ii. Hanya 40% sahaja daripada peruntukan geran dibenarkan untuk membayar gaji Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA).
- iii. Siling upah dan elaun tidak melebihi RM2,300 untuk pelajar Ph.D dan RM1,800 untuk pelajar sarjana.

Vot 21000 - Perbelanjaan Perjalanan dan Sara hidup

- i. Jumlah peruntukan di bawah vot ini adalah tidak melebihi 40% dari jumlah kelulusan peruntukan.
- ii. Penggunaan untuk perjalanan menghadiri persidangan tidak melebihi 20% daripada jumlah kelulusan geran.

Vot 24000 - Sewaan

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

Vot 27000 - Bekalan dan Bahan-bahan lain

Peruntukan hanya boleh digunakan untuk pembelian bahan pakai habis dan perjalanan domestik yang berkait langsung dengan projek dan keperluan-keperluan yang berkaitan.

Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultansi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan

Pembelian aset di bawah Vot 35000 tidak melebihi 40% daripada keseluruhan peruntukan. Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

- 2.4.3 Tidak dibenarkan membeli peralatan komunikasi, peralatan pejabat dan perkakasan seperti workstation, laptop, iPad, hand phone, printer, stationery serta apa-apa pembelian yang tidak berkaitan langsung dengan projek penyelidikan.
- 2.4.4 Setiap permohonan mestilah disertakan justifikasi dan sebut harga mengikut peraturan kewangan yang digunakan di Universiti Malaysia Sabah.
- 2.4.5 Prosedur pembelian serta penggunaan wang penyelidikan harus mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling kewangan yang digunakan di UMS.

2.5 Hasil Penyelidikan**2.5.1 Bakat**

Setiap projek penyelidikan yang dipohon mesti menghasilkan bakat seperti berikut:

i. Projek tiga (3) tahun:

Disyaratkan menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Ph.D atau dua (2) orang pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa atau gabungan keduanya.

ii. **Projek dua (2) tahun:**

Disyaratkan menghasilkan sekurang-kurangnya seorang (1) pelajar Sarjana mod penyelidikan sepenuh masa.

2.5.2 **Penerbitan**

Semua Program hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya:

i. **Bidang Sains**

Empat (4) penerbitan dalam jurnal berindeks dan satu (1) daripadanya adalah Q1-Q2.

ii. **Bidang Sains Sosial**

Tiga (3) penerbitan dalam jurnal berindeks atau salah satu (1) penerbitan jurnal berindeks dan dua (2) buku.

Penghargaan kepada geran UMS hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

2.5.3 **Harta Intelek**

- i. Hasil karya dan inovasi yang mempunyai potensi dan perlu dilindungi hendaklah didaftarkan sebagai harta intelek.
- ii. Semua pendaftaran harta intelek hendaklah dibuat melalui PPPI dan menjadi hak milik UMS.

2.6 **Pengumuman Tarikh Buka dan Tutup Permohonan**

Tawaran permohonan skim ini akan diumumkan mengikut ketetapan pihak PPPI.

BAHAGIAN 3: PENILAIAN

3.1 **Penilaian Skim Dana Nic UMS**

- 3.1.1 Permohonan akan dinilai oleh Panel Penilai UMS berjawatan Profesor Madya dan ke atas mengikut bidang kepakaran masing-masing.
- 3.1.2 Panel Penilai daripada luar UMS (Industri/IPTA/IPTS) boleh dilantik sekiranya kepakaran yang berkaitan diperlukan.
- 3.1.3 Tidak semua pemohon perlu membentangkan permohonan. Jawatankuasa Panel Penilai Skim Dana Nic UMS akan memanggil pemohon membentangkan permohonan sekiranya perlu.
- 3.1.4 Penilaian oleh Panel Penilai UMS adalah berdasarkan kepada syarat, peraturan dan kriteria yang tersebut di atas serta lain-lain Garis Panduan UMS yang berkaitan.

BAHAGIAN 4: PEMANTAUAN

4.1 Implementasi Projek

- 4.1.1 Laporan pemantauan yang dikemukakan akan dinilai oleh Jawatankuasa Pemantau Khas (JPK).
- 4.1.2 Pemantauan dilaksanakan melalui penghantaran Laporan Kemajuan dalam SMPPPI seperti berikut:
1. Tempoh penghantaran : Enam (6) bulan iaitu dua (2) kali setahun
Hendaklah dibuat selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh projek
 2. Permohonan pelanjutan : Tempoh maksima lanjutan : Enam (6) bulan
 3. Projek dua (2) tahun : Permohonan pelanjutan tidak akan disokong oleh JPK sekiranya tidak mencapai milestone dua (2) kali pelaporan berturut-turut.
 4. Projek tiga (3) tahun : Sekiranya milestone tidak dicapai dalam tempoh dua (2) tahun pertama, penamatian boleh dicadangkan oleh JPK.
- 4.1.3 Semua projek yang diluluskan di bawah Skim Dana Nic UMS akan dipantau oleh PPPI dari aspek:
- (i) Prestasi projek
 - (ii) Prestasi kewangan.
- 4.1.4 Ketua Penyelidik akan dikehendaki membentang sekiranya tidak mencapai milestone berdasarkan cadangan permohonan yang telah diluluskan.
- 4.1.5 Sebarang perubahan/ penambahbaikan terhadap kertas kerja hanya boleh dibuat sebelum pemantauan kali pertama.

4.2 Laporan Kemajuan

Ketua penyelidik dikehendaki menghantar laporan kemajuan penyelidikan mereka setiap enam (6) bulan secara atas talian melalui SMPPPI. Kegagalan untuk menghantar laporan kemajuan penyelidikan sepertimana yang dijadualkan akan menyebabkan aktiviti kewangan projek penyelidikan tersebut disekat.

4.3 Jawatankuasa Pemantau Khas (JPK)

- 4.3.1 Jawatankuasa Pemantau Khas (JPK) berperanan untuk menilai laporan kemajuan geran penyelidikan.
- 4.3.2 JPK dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
- 4.3.3 Setiap *research focus area* mempunyai JPK masing-masing.
- 4.3.4 Keahlian JPK adalah minimum seramai tiga (3) orang berjawatan Profesor Madya ke atas dan pelantikan adalah mengikut bidang kepakaran.
- 4.3.5 Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui SMPPPI dengan perakuan FPI dan PPPI akan memajukan kepada JPK untuk tindakan selanjutnya.

4.4 Laporan Akhir

Laporan akhir penyelidikan perlu dihantar secara atas talian melalui SMPPPI dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek tamat.

4.5 Pengawalan Dan Penalti

- 4.5.1. Pelaksanaan projek mesti dilakukan pada tahap etika dan integriti yang tinggi. Sebarang isu plagiarisme akan dikenakan penalti.
- 4.5.2. Setiap FPI perlu memastikan semua projek/ program perlu mencapai prestasi kewangan yang memuaskan berdasarkan *milestone*.
- 4.5.3. Prestasi Projek perlu mencapai bakat dan penerbitan seperti dalam cadangan yang telah diluluskan.
- 4.5.4. Pihak PPPI boleh memberi Ketua Penyelidik tempoh tiga (3) bulan untuk mencapai prestasi yang memuaskan bagi projek yang dikenal pasti lewat jadual/bermasalah.
- 4.5.5. Ketua Penyelidik bagi penyelidikan yang telah dikenalpasti bermasalah akan disenaraihitam bagi tempoh dua (2) tahun sebelum diberi kebenaran untuk membuat permohonan geran yang baharu.

BAHAGIAN 5: LAIN-LAIN

5.1 Pengesahan oleh Dekan/Pengarah

Pengesahan bagi aktiviti penyelidikan (kerja lapangan) termasuk proses kewangan projek mestilah melalui Dekan/ Pengarah atau Timbalan Dekan/ Timbalan Pengarah (P&I) FPI semasa ketiadaan Ketua Jabatan masing-masing. Perkara ini adalah juga terpakai kepada pensyarah yang memegang jawatan pengurusan di jabatan lain.

5.2 Pertukaran Ketua Projek/Pertambahan dan Pengguguran Ahli Projek

Sebarang permohonan untuk menukar Ketua Projek, menambah atau menggugurkan ahli projek hendaklah dipohon secara surat rasmi melalui Ketua Jabatan masing-masing.

5.3 Pengecualian

Walau apa pun yang dinyatakan dalam garis panduan ini, Naib Canselor boleh membuat pengecualian terhadap mana-mana perkara yang dinyatakan dalam garis panduan tertakluk selagi tidak menyalahi peruntukan undang-undang di Malaysia.

**Garis Panduan ini diluluskan oleh PBPU
pada Mesyuarat PBPU Bil. 6/2019 kali
ke-231 bertarikh 11 Disember 2019**